

13 FEB 2001

Mahathir-British

DR MAHATHIR SERU PENINGKATAN PELABURAN BRITISH DI MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 13 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu pelabur British meningkatkan aktiviti perniagaan mereka di Malaysia yang pada asasnya menikmati iklim politik yang stabil.

Beliau juga memberi jaminan bahawa Kuala Lumpur akan terus mengamalkan sikap mesra perniagaan dan mesra pelabur.

Perkara itu telah disampaikan oleh Dr Mahathir semasa perbincangan pada majlis makan tengah hari dengan anggota Dewan Perniagaan Malaysia British di Seri Kembangan, dekat sini hari ini.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas majlis itu, Pesuruhjaya Tinggi British ke Malaysia Graham Fry berkata:

"Beliau telah memberikan mesej yang amat baik dan amat jelas bahawa Malaysia akan terus mengamalkan sikap mesra perniagaan dan mesra pelabur.

"Bagi kami, itu sememangnya mesej yang amat kami alu-alukan... Ada banyak perniagaan British yang aktif di sini, dan banyak lagi yang ingin datang."

Beliau berkata pada perbincangan secara tertutup itu, Dr Mahathir telah menyentuh antara lain mengenai soal penggantian kepimpinan negara, dasar ekonomi dan penetapan kadar tukaran ringgit.

Fry berkata: "Beliau berkata pada asasnya Malaysia adalah negara yang sangat stabil dan ini bukan berkaitan dengan mana-mana personaliti tertentu.

"Dan sepanjang sejarah Malaysia, kita telah melihat bagaimana timbalan perdana menteri mengambil alih jawatan daripada perdana menteri dan urusan penggantian itu berjalan dengan lancar."

Mengenai nilai ringgit yang kadar pertukarannya ditetapkan pada RM3.80 bagi satu dollar US, Fry berkata Dr Mahathir tidak memberi apa-apa tempoh masa bagi penggunaannya.

"Tetapi beliau berkata kadar itu tidak akan diubah dalam masa terdekat ini," kata Fry.

Penetapan kadar pertukaran itu dilakukan oleh kerajaan pada 1998 ekoran krisis kewangan dan ekonomi serantau, dalam usahanya memulihkan keadaan ekonomi negara ini.

Beliau juga ditanya sama ada terdapat tanda-tanda bahawa syarikat British mungkin mengkaji semula strategi mereka di Malaysia terbit daripada risiko kelembapan ekonomi Amerika Syarikat.

"Tidak, saya tidak memperolehi apa-apa tanda tentang perkara itu. Saya tak fikir adanya syarikat yang telah terpengaruh dengan rasa bimbang terhadap kemungkinan berlaku kelembapan ekonomi Amerika," katanya.

Fry berkata syarikat British berada di Malaysia bagi jangka masa panjang.

-- BERNAMA

MAM AHH NMO